

IPT siap sedia uruskan mahasiswa pulang raya

Universiti rangka persediaan ikut zon, pastikan patuh prosedur operasi standard

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengurusan institusi pengajian tinggi (IPT) kini dalam proses menguruskan pergerakan pulang pelajar ke kampung masing-masing sempena cuti Aidilfitri secara berperingkat mulai Jumaat depan.

IPT sedang mengenal pasti jumlah pelajar, medium pengangkutan, pengeluaran surat pengesahan rentas negeri, pengasingan mengikut zon dan memastikan kawalan ketat serta pematuan prosedur operasi standard (SOP), susulan kenyataan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bahawa lebih 100,000 pelajar IPT dijangka pulang berhari raya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Arifin Abdu, berkata pihaknya merangka persediaan pengurusan pulang pelajar dengan mempertimbangkan semua faktor termasuk cuti pertengahan semester kedua 2020/2021 pada 10 hingga 16 Mei 2021.

"UPM bersetuju membuat ketetapan tarikh pergerakan pelajar ke kampung halaman mengikut zon. Pelajar yang pulang ke Sabah, ke Zon Utara iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis dan Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) akan dibenarkan pulang 7 Mei. Pelajar ke Zon Tengah iaitu Selangor, Perak, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan pulang 8 Mei, Zon Selatan membabitkan Negeri Sembilan, Melaka dan Johor 9 Mei," katanya.

UPM menjalankan bancian melalui *Google Form* kepada semua pelajar selama tiga hari sejak Selasa lalu bagi mendapatkan data pelajar yang ingin balik atau kekal berada di kampus ketika cuti Aidilfitri. Berdasarkan maklum balas diterima, dianggarkan 6,000 pelajar akan balik ke kampung masing-masing. Pihak universiti juga akan menyediakan bas bagi menghantar pelajar yang perlu ke lapangan terbang.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof Dr Mohd Rizal Arshad, berkata dijangka sekitar 900 hingga 1,200 pelajar pulang ke kampung masing-masing.

"Buat masa ini, sekitar 25 peratus pelajar UniMAP berada dalam kampus, iaitu sekitar 2,500 hingga 2,700 orang pelajar. Mereka adalah kumpulan pelajar yang dibenarkan berada di kampus untuk mengikuti kelas atau makmal secara bersemuka termasuk pelajar yang mempunyai masalah capaian internet.

"UniMAP juga membuat bancian berhubung keperluan pengangkutan pelajar. Universiti ada 43 bas dan akan mempertimbangkan jika ia diperlukan bagi menghantar pulang pelajar. Kami juga akan menyediakan surat pengesahan rentas negeri kepada pelajar untuk dikongsikan dengan ibu bapa atau penjaga masing-masing," katanya.

Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata universiti itu mengaktifkan Bilik Gerakan Ops Pelajar Pulang Aidilfitri dan akan melaksanakan mesyuarat penyelarasan bersama pihak berkepentingan bagi membincangkan urusan itu.

"Pada masa sama, tinjauan secara dalam talian dibuat mulai hari ini (semalam) oleh Hal Ehwal Pelajar (HEP) UKM dan ia akan diteruskan bagi mengenal pasti pelajar yang mahu pulang

UPM bersetuju membuat ketetapan tarikh pergerakan pelajar ke kampung halaman mengikut zon

Arifin Abdu,
Timbalan Naib
Canselor (Hal Ehwal
Pelajar dan Alumni),
UPM



Universiti ada 43 bas dan akan mempertimbangkan jika ia diperlukan bagi menghantar pulang pelajar

Mohd Rizal Arshad,
Timbalan Naib
Canselor Akademik
dan Antarabangsa,
UniMAP



dan mekanisme pengangkutan yang akan digunakan. Melalui tinjauan ini, kami dapat mengenal pasti pelajar yang mahu kekal di kampus supaya universiti dapat memastikan kebajikan mereka sentiasa terjaga," katanya.

Setakat ini, seramai 3,000 daripada lebih 4,000 pelajar dalam kampus berhasrat untuk pulang ke kampung. Pihak universiti juga akan mengeluarkan surat merentas negeri yang boleh dimuat turun oleh pelajar menerusi laman sesawang UKM2Campus.

Bagi Universiti Teknologi MARA (UiTM), hampir 8,000 pelajar

yang tinggal di kampus dan menyewa di luar kampus (*non resident*), dijangka pulang ke kampung dengan jumlah sebenar akan diketahui beberapa hari lagi.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Roziah Mohd Janor, berkata hasil tinjauan awal mendapati seramai 96 peratus atau hampir 8,000 pelajar yang berada di kolej kediaman dan luar kampus memilih pulang ke rumah sempena Aidilfitri di kampus.

"Jumlah sebenar hanya akan diketahui beberapa hari lagi kerana masih ada yang belum membuat keputusan," katanya ketika dihubungi *BH* sambil menambah, pihak pengurusan akan meneliti senarai pelajar yang memilih untuk pulang ke kampung memandangkan tidak semua daripada mereka akan kembali semula ke kampus selepas hari raya.

"Sebahagian pelajar akan diganti dengan pelajar lain untuk memanfaatkan keperluan makmal dan sebagainya. Senarai pelajar yang kembali ke kampus diselaraskan setiap fakulti dan Bahagian Hal Ehwal Akademik di semua kampus," katanya.

Katanya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar akan mengetuai koordinasi pergerakan pulang pelajar dan turut dibantu bahagian lain di UiTM seperti Unit Kenderaan, Polis Bantuan, Pusat Kesihatan, Majlis Perwakilan Pelajar dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej.

"Pihak Universiti menyediakan pengangkutan mengikut negeri supaya pergerakan pulang lebih tersusun seperti Ops Hantar Pulang Pelajar ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu," katanya.

Beliau turut memaklumkan, pelajar boleh memuat turun surat pengesahan pulang dari aplikasi SaringC19 yang dibina khas untuk warga universiti itu sepanjang tempoh PKP dan pihak pengurusan akan membantu menguruskan permit rentas negeri di balai polis berhampiran.